

**Kekalkan Keamanan, Kedaulatan Negara - Najib
Bernama
31 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-56 hari ini, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu rakyat mengekalkan keamanan dan kedaulatan negara.

Perdana Menteri yang hadir di rumah terbuka Aidilfitri dan sambutan merdeka di Melaka semalam turut melahirkan penghargaan kepada penduduk negeri itu yang memberikan sambutan yang meriah.

"Kekalkan keamanan dan kedaulatan. Terima kasih orang-orang Melaka atas sambutan semalam. Meriah!," kata Perdana Menteri dalam akaun Twitter beliau pada Sabtu.

Semalam, kira-kira 40,000 pengunjung terdiri daripada penduduk Melaka serta pelancong dari dalam dan luar negara hadir di majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri Raya Merdeka 2013 di Stadium Hang Tuah, Melaka.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974132>